



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 14 FEBRUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NILAI PENGELUARAN USAHAWAN myAP CECAH RM22.8 JUTA, NASIONAL, SH -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BINA PENGKALAN HADAPAN ATASI JENAYAH PERIKANAN, DALAM NEGERI, UM -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	51 TAHUN PENUH KEMATANGAN, HARI ULANG TAHUN LPP, SH -8 & 9	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4. 5. 6. 7.	HARGA BERAS TIDAK NAIK SEJAK 18 TAHUN, DALAM NEGERI, UM -1 & 3 TERPAKSA TUAI PADI SENDIRI, MESIN PADI TIDAK LEPAS MASUK, DALAM NEGERI, UM -9 ADAKAH KARTEL PADI MASIH LAGI BERKUASA?, FORUM, UM -19 RAHSIA NANAS MANIS, GAYA TANI, UM -26	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Nilai pengeluaran usahawan myAP cecah RM22.8 juta

SHAH ALAM - Nilai pengeluaran produk keluaran program usahawan my-Agropreneur perikanan (myAP) mencecah RM22.8 juta pada tahun 2023.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussein berkata, susulan kejayaan tersebut, produk pemrosesan ikan di Malaysia berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan mendapat permintaan yang tinggi.

Menurutnya, nilai pengeluaran myAP seluruh Malaysia pada 2022 adalah sebanyak RM18.5 juta dengan penglibatan seramai 72 usahawan.

"Pada 2023 nilai pengeluaran terus meningkat dan kita telah berjaya membimbing 78 usahawan.

"Perusahaan pemrosesan ikan ini telah berjaya menembusi pasaran Australia, Singapura dan Brunei," katanya dalam Lawatan Kerjanya Projek Industri Asas Tani (IAT) Keropok House and Industry

FOTO: KPM



Mohamad (tiga dari kanan) bergambar bersama produk salah seorang usahawan dalam program myAP pada Selasa.

pertanian dan pelancongan dengan melakukan pelbagai inovasi produk.

"Saya amat gembira melihat kejayaan pengusaha dan peniaga bumiputera berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

"Golongan muda dan bella di negara ini semakin ramai berjinak-jinak dalam bidang pertanian termasuk ternakan ikan, kebun buah-buahan dan juga chalet yang dluahakan," katanya.

Sementara itu katanya, fenomena cuaca El Nino yang berlangsung sehingga Jun tahun ini tidak akan menjejaskan bekalan makanan dalam negara.

"Walaupun terdapat aduan daripada petani, namun keadaan tanaman masih lagi terkawal.

"Bekalan makanan masih mencukupi dalam tempoh cuaca panas.

"Aduan tetap ada dari masa ke masa dan pihak kami mengambil tindakan susulan terhadap masalah itu," katanya.

perikanan dan penyelesaian masalah berkaitan perniagaan," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, kejayaan usahawan tempatan dalam bidang pertanian dan makanan perlu menjadi inspirasi dan contoh.

Katanya, golongan bella semakin aktif menceburi bidang

bimbingan, mereka turut membantu dari segi pemasaran menerusi pelbagai platform termasuk pameran dan karnival keusahawanan.

"Usahawan myAP turut mendapat sokongan teknikal daripada pihak kami dalam pengurusan dan operasi perniagaan mereka.

"Sokongan ini termasuk memantau kualiti produk, penguatkuasaan undang-undang

Sdn Bhd, Seksyen 27 di sini pada Selasa.

Teks ucapan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan), Bohari Leng.

Mengulas lanjut, menurut Adnan, program tersebut telah terbukti membantu golongan sasar untuk menambah hasil pendapatan.

Jelasnya, selain memberi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Bina pangkalan hadapan atasi jenayah perikanan

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamula.com.my

KLANG: Kerajaan negeri bercadang menempatkan pangkalan hadapan di sepanjang perairan Pantai Barat dari Sabak Bernam hingga ke Kuala Selangor bagi mengawal aktiviti jenayah perikanan di kawasan tersebut.

Ini kerana, terdapat 10 kawasan dikenal pasti sebagai lokasi panas aktiviti kecurian benih dan anak kerang yang menjejaskan tangkapan hasil laut itu di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pangkalan tersebut boleh digunakan oleh agensi penguatkuasaan serti Jabatan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Polis Marin dan Jabatan Perikanan untuk menempatkan aset mereka bagi memantau dan mencegah aktiviti terbabit.

"Kesemua tapak-tapak itu ada dalam penelitian cuma tindakan susulan yang perlu dilakukan kerana ada beberapa kekangan

yang melibatkan undang-undang, peraturan dan peralatan. Jadi itu yang kita akan atasi dalam masa terdekat dan juga ada beberapa isu teknikal dan strategik yang kita kena ambil.

"Ia memberikan peringatan bahawa operasi berterusan dilakukan dan pada bila-bila masa mereka boleh ditahan kerana kesalahan yang dilakukan," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat perairan sepanjang 60 batu nautika (112 kilometer) dari Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam hingga ke Pelabuhan Klang, semalam.

Menerusi kewujudan pangkalan tersebut, pihak berkuasa dapat menyiasat dan mengenal pasti secara terperinci individu yang terlibat dengan aktiviti kecurian benih dan anak kerang serta jenayah perikanan lain seperti penggunaan bubu naga.

Amirudin menjelaskan tindakan penguatkuasaan tersebut adalah penting untuk memelihara aktiviti pembiakan kerang di sepanjang perairan Selangor

yang dianggap hasil bergred tinggi.

"Masalahnya, harga kerang mahal itu sementara, tetapi hal lebih utama ialah kita kehilangan warisan yang sangat besar. Kualiti kerang di Selangor adalah antara gred paling disukai berbanding tempat lain dari segi isinya lebih besar dan rasanya enak.

"Kerang amat berharga sebab itu ia dihantar atau diseludup ke negara jiran atau dijual ke beberapa orang. Jadi, ada orang yang ingin ambil kesempatan, jalan mudah untuk mendapat keuntungan.

"Tetapi, akhirnya warisan kita yang sangat berharga itu akan hilang. Sedangkan itu adalah untuk nelayan-nelayan tempatan ataupun pengusaha-pengusaha tempatan, tetapi ada

orang yang tidak bertanggungjawab," tegasnya.

Beliau turut mengenal pasti kawasan yang terlibat dengan masalah pencemaran seperti di Kampung Tok Muda Kapar termasuk mengarahkan pembentangan laporan kajian kesan pencemaran yang dilakukan oleh SIRIM.

"Aspek itu akan segera diambil tindakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan saya minta satu laporan kajian oleh SIRIM dibentangkan mengenai kesan-kesan daripada pencemaran yang kita akan dapat atasi sepenuhnya selepas melaksanakan *zero discharge policy* (ZDP) ataupun *polluters pay principle*.

"Kita sudah meminda beberapa enakmen yang membolehkan pelaksanaannya, ia akan dibuat secara berperingkat dan tidak boleh mengejut kerana melibatkan banyak pihak," ujarnya.

AMIRUDIN Shari meninjau kawasan perairan di sekitar Sabak Bernam yang dikenal pasti sebagai tempat pembenihan dan pembiakan kerang Selangor.

— UTUSAN/AFIQ RAZALI



14/2/2024

SINAR

HARI ULANG

8

HARIAN

TAHUN LPP



51 tahun penuh kematangan

LPP terus bina keupayaan petani, mantapkan sektor pertanian negara

Oleh NORSHAHZUKA MAT ZUKI

Selak penubuhannya pada 14 Februari 1973, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah menjadi pertubuhan yang paling banyak dalam memajukan sektor pertanian negara.

Dengan 51 tahun pengalaman yang pelbagai serta mencabar, LPP kini menghadapi lisa bahun yang menuntut penguasaan teknologi pertanian dengan kemahiran teknologi serta perubahan zaman.

LPP telah membina keberkesanan perannya dalam meningkatkan taraf hidup petani dan masyarakat melalui rangkaian Pertubuhan Peladang (PP) yang merangkumi 14 buah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), 294 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PKK) yang mahu LPP bertutur sebagai penggerak pembangunan yang agrikultur, pembangunan dan PP terlibat dalam pengurusan PP.

Sekarang ini, terdapat 965,195 orang peladang serta 2,595 orang anggota LPP yang berdaftar dengan LPP.

Dengan melibatkan hampir satu juta peladang dan anggota LPP/PP/PPN, mereka dalam pembangunan dan pengurusan sektor pertanian amat penting.

Sebagai peneraju dalam sektor pertanian, LPP meletakkan komitmen



LPP telah membina perannya dalam meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat petani.

yang tinggi dalam menyokong aspirasi sektor agro makanan negara. LPP terus memajukan peranan untuk menjadikan pergerakan PP lebih produktif dan berdaya saing dalam memastikan keberkesanan sektor pertanian.

Dalam menghadapi cabaran, LPP telah merancang cabaran, ketahanan makanan di masa depan. LPP telah menyusun pelan dan strategi untuk menghadapinya.

LPP menyedari bahawa sektor agrikultur menghadapi cabaran ancaman seperti pandemik, perubahan

profesionalisme, dalam pengurusan kawasan.

Dengan pendekatan holistik yang telah dicubakan, LPP yakin bahawa dapat mencapai matlamat sebagai peneraju dalam sektor agrikultur negara.

Malah, Ketua Pergerakan LPP Datuk Azula Salim sendiri telah menegaskan bahawa usaha itu adalah untuk memastikan kesejahteraan peladang. LPP telah berfokus dalam memastikan perkhidmatan.

in kerana, golongan tersebut merupakan tulang belakang kepada pertanian bekalan makanan yang penting kepada negara.

"Peladang dan institusi peladang perlu dinamik dalam menempuh cabaran semasa agar terus lestar menerusi sektor agrikultur. Suara suaranya peladang, pendengar dan nelayan adalah komuniti yang penting."

"Mereka adalah rakyat Malaysia MADANI yang berkorban dan berjuang demi memastikan kestabilan negara. Dalam era kasta lain, mereka menajam kesedaran dan keadilan yang mereka miliki, selama dan bermula dari harapan negara pada masa depan," katanya.

LPP dan cabaran masa depan
Sebagai badan yang memperjuangkan sektor agrikultur, LPP telah berfokus dengan pelbagai ancaman pada masa depan dengan pelbagai kemiskinan boleh berlaku sama ada akibat penyakit, ketidakseimbangan



LPP sentiasa menyedari peranan makanan petani dalam memastikan ketahanan dan keselamatan cabaran masa depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1

Harga beras tidak naik sejak 18 tahun

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

KANGAR: Langkah menyalurkan harga beras tempatan dan import dengan harga RM30 hingga RM33 setiap 10 kilogram (kg) bakal membendung isu penipuan dan manipulasi sekali gus menyelesaikan masalah bekalan makanan ruji tersebut.

Kenaikan dari RM26 ke RM30 hingga RM33 bagi berat 10 kg itu juga sudah tiba masanya dilaksanakan selepas 18 tahun harga beras tidak naik sejak 2006.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, masalah ketiadaan bekalan beras tempatan kebelakangan ini berpunca daripada tindakan syarikat-syarikat besar atau pemborong beras menipu pengguna dengan menukar atau mencampur beras tempatan dengan import sekali gus menjual pada harga beras import.

Katanya, langkah terbaik bagi menyelesaikan masalah berlarutan itu adalah menyalurkan harga dan menetapkan satu gred beras sahaja.

Ujarnya, peningkatan tersebut tidak membebankan pengguna memandangkan harga beras 'import' tersebut jauh lebih mahal antara RM40 sehingga RM50 bagi 10 kg.

Bersambung di muka 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Harga beras tidak naik sejak 18 tahun

Dari muka 1

“Sudah tiba masanya harga beras diselaras dengan satu gred sahaja tanpa perlu ada label import dan tempatan itu dilaksanakan. Langkah tersebut mampu menangani isu manipulasi dan penipuan sehingga menjejaskan bekalan beras tempatan di pasaran.”

“Sudah lama harga beras ini tidak naik dengan kali terakhir pada 2006. Industri beras negara terus berkembang dan harga tersebut (RM30) masih lagi relevan dalam situasi semasa ini. Malah, ia jauh lebih murah daripada harga beras ‘import’ yang memonopoli pasaran sejak kebelakangan ini,” katanya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bercadang untuk menyelaraskan harga beras tempatan dan import bagi mengelakkan manipulasi dan menangani isu penipuan dalam industri beras.

Cadangan tersebut bakal menyaksikan harga beras tempatan yang kini dijual di pasaran RM26 bagi setiap 10 kg akan meningkat kepada sekitar RM30 hingga RM33.

Sebelum ini, orang ramai sering mengeluh ketiadaan beras tempatan di pasaran yang terus berlarutan sedangkan Malaysia mempunyai stok bekalan beras sebanyak 900,000 tan iaitu 250,000 tan stok penimbun dan 650,000 tan stok dagangan.

Utusan Malaysia sebelum ini juga pernah melaporkan mengenai kartel atau ‘mafia’ padi yang didakwa dimonopoli empat ke lima syarikat besar sejak sekian lama dan telah mencorak hala



LANGKAH menyelaraskan harga beras tempatan dan import dilihat mampu menyelesaikan masalah bekalan makanan ruji itu.

tuju industri padi negara sehingga tercetusnya isu benih padi yang berlarutan setiap musim serta masalah bekalan beras.

Sementara itu, Marzukhi berkata, apabila penyelarasan tersebut dilaksanakan, kilang-kilang besar ini juga sudah tidak boleh bermain harga belian padi yang kesannya akan menyebabkan pelbagai kos meningkat.

Beliau percaya, menerusi penyelarasan harga tersebut juga bakal menstabilkan kembali harga input pertanian dan kos-kos lain seperti sewaan jentera

dan sebagainya yang selama ini berterusan menekan para pesawah.

“Apabila kilang-kilang besar ini bermain harga belian padi dengan ada yang menetapkan terlalu tinggi akan menyebabkan berlakunya kenaikan lain seperti input pertanian, sewaan jentera, kos-kos racun dan pelbagai lagi berkaitan sawah padi ini.

“Kilang-kilang besar yang juga mempunyai syarikat pemborong beras ini tidak kisah bermain harga kerana mereka boleh manipulasi dengan campuran beras

atau menukar beras tempatan kepada import bagi mengaut keuntungan lebih,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, industri beras negara sepatutnya sudah jauh ke depan dengan isu-isu lain seperti kelewatan bekalan benih setiap musim, penjadualan tanaman disebabkan masalah saliran dan lain-lain perlu diselesaikan.

“Saya juga mencadangkan agar bekalan benih padi sah diberikan terus kepada petani bukan lagi melalui pengilang-pengilang ini,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9



SAPIAH Lee Nui terpaksa tuai padi sendiri selepas jentera menuai tidak boleh masuk berikutan sawah merekah dan kering kontang di Kok Klang, Perlis, semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Terpaksa tuai padi sendiri, mesin padi tidak lepas masuk

PADANG BESAR: Cuaca panas melampau sehingga mencecah 39 darjah Celsius dengan tiada hujan sudah lebih sebulan lalu menyebabkan terdapat kawasan sawah di negeri ini mula merekah dan kering kontang.

Antaranya di kawasan sawah padi di Kok Klang, Chuping di sini yang merupakan antara lokasi titik panas di negeri ini menyaksikan terdapat sawah yang merekah sehingga menyaksikan ada pesawah terpaksa mengerat sendiri padi selepas mesin padi tidak boleh masuk akibat tanah yang sudah kering kontang itu.

Sebagai rekod, pada 9 April 1998, Chuping telah merekodkan suhu tertinggi dan terpanas di Malaysia iaitu 40.1 darjah Celsius.

Seorang pesawah, Sapiah Lee Nui, 52, berkata, dia terpaksa menuai dan menampi sendiri

padi selepas jentera menuai padi tidak boleh masuk di kawasan sawah padinya ketika musim menuai sudah tiba ketika ini.

Katanya, sudah dua hari dia bersama anaknya melakukan kerja-kerja menuai padi ini dalam keadaan sawah yang kering kontang ini.

"Kita juga mengasingkan padi untuk dibuat benih. Pada masa ini, tanah kering kontang khususnya di kawasan sebelah Kok Klang berhampiran Chuping ini.

"Bagaimanapun, masih terdapat di kawasan lain yang mesin padi masih boleh lepas masuk. Di kawasan saya ini, sudah tidak boleh memandangkan tanah sudah merekah," katanya.

Tambah Sapiah, cuaca ketika ini cukup panas sehingga menyebabkan dia memerlukan bekalan air masak yang banyak apabila melakukan kerja di sawah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/2/2024	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	19



GANGGUAN stok beras tempatan masih lagi berterusan biarpun sudah memasuki 2024.
- UTUSAN/PUOTRA HAIRRY

Adakah kartel padi masih lagi berkuasa?

SAUDARA PENGARANG,

PERTENGAHAN tahun lalu, negara digemparkan krisis kekurangan beras putih tempatan. Kekurangan stok beras putih tempatan sedikit sebanyak telah memberikan implikasi kenaikan harga makanan khususnya nasi.

Sungguhpun begitu, harga beras putih import dan tempatan adalah berbeza kerana harga beras putih tempatan dikawal kerajaan seperti mana yang termaktub dalam peruntukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan sebaliknya bagi beras putih import.

Justeru, harga beras putih import lebih mahal dan rakyat terpaksa menanggung harga yang tinggi disebabkan gangguan stok beras putih tempatan.

Pelbagai mekanisme kawalan yang dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan pada tahun lalu antaranya ialah menaikkan kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada RM360 per metrik tan kepada RM500 per metrik tan pada bulan Ogos tahun lalu yang dikatakan kenaikan terbesar dalam sejarah negara.

Ini menjadikan setiap seorang pesawah di negara akan menerima sekurang-kurangnya RM1,700 bagi setiap metrik tan padi yang dituai. Kenaikan tersebut meningkatkan jumlah peruntukan SSHP kepada RM1 bilion setahun untuk pesawah padi. Inisiatif ini bertujuan bagi menggalakkan penanaman padi di samping mengekalkan stok gudang makanan negara.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga memaklumkan bahawa 70 peratus bekalan beras putih tempatan dalam negara wujud dan gangguan stok beras tempatan dijangka pulih sekurang-kurangnya Disember 2023.

Sebaliknya gangguan stok beras tempatan masih lagi berterusan biarpun kita sudah meniti 2024. Persoalannya, adakah kartel padi masih lagi berkuasa dan menguasai rantaian pengeluaran padi negara?

Sekiranya benar, pihak berkuasa perlu menggunakan kuasa perundangan dalam menangani isu kartel ini daripada berlarutan sehingga hujung 2024.

Jangan biarkan kekurangan stok beras putih tempatan menjadi misteri.

DR. MUHAMMAD HAFIZ BADARULZAMAN

Felo Penyelidik Unit Penyelidikan Syariah dan Undang-Undang Perniagaan Islam (SHURA), Pusat Pengajian Undang-Undang Universiti Utara Malaysia

Oleh **INTAN SUHANA
CHE OMAR**
intan.suhana@mediamula.com.my

NANAS antara pokok buah yang mudah ditanam walaupun di sekitar kediaman sahaja.

Namun, ramai yang gusar untuk menanam spesies buah-buahan itu kerana takut buahnya masam dan tidak manis seperti yang dibeli di kedai walaupun menanam jenis nanas madu.

Sebenarnya, terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi rasa nanas iaitu penggunaan jenis tanah dan teknik pembajaan.

Berkongsi kepada *Utusan Malaysia*, Penolong Pegawai Pertanian, Unit Tanaman Nanas Pusat Pertanian Putra (PPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Imran Omar berkata, tanah mineral adalah paling sesuai digunakan untuk mendapatkan hasil buah yang manis.

Kongsinya, tanah jenis itu lebih sesuai digunakan berbanding tanah gambut kerana memiliki nilai pH yang lebih tinggi.

Nilai pH tanah adalah ukuran keasidan atau kealkalian tanah.

"Hasil yang manis atau tidak adalah subjektif. Ia bergantung kepada tanah yang digunakan. Kalau guna tanah gambut memang akan ada sedikit kurang daripada segi kemanisan kerana nilai pH bawah 4.5 iaitu berasid tinggi jadi masam."

"Biasanya kemanisan nanas itu bukan bergantung di mana ia ditanam, tetapi berkait dengan jenis tanah digunakan. Tanam di rumah pun rasanya boleh manis jika penggunaan tanah dan baja



ANTARA tiga jenis sulur angin, sulur tanah dan sulur tangkai yang boleh dijadikan benih tanaman selepas penghasilan buah nanas.

Rahsia nanas manis



MOHAMAD Imran Omar sedang memberi penerangan mengenai penanaman nanas madu MD2.

Biasanya kemanisan nanas itu bukan bergantung tanam di mana tetapi berkait dengan jenis tanah digunakan. Tanam di rumah pun boleh manis jika penggunaan tanah dan baja yang betul."



NANAS yang dikutip akan dibawa ke tempat pengkelasan gred nanas.

yang betul," katanya sambil menambah pH tanah yang sesuai sekitar 5.5 hingga 6.5.

Tambahnya, sebelum menanam, periksa pH tanah yang hendak digunakan atau cara paling mudah adalah gunakan tanah campuran telah siap digaul (tanah + kompos) yang boleh dibeli di nurseri pertanian.

Bagi kawasan penanaman pula, sekiranya tiada ruang yang luas, boleh menanam di dalam pasu atau polibeg yang bersaiz besar.

PEMBAJAAN DAN SALIRAN

Daripada aspek pembajaan, ia perlu dijalankan dengan teliti untuk mendapatkan

hasil buah yang berkualiti.

Pembajaan yang kurang akan menjadikan buah tidak manis, manakala pembajaan berlebihan pula akan menyebabkan buah menjadi lebam.

"Selain daripada baja butir NPK 15:15:15 dan NPK 12:12:17-2, ia juga memerlukan foliar juga iaitu sejenis booster untuk hasil yang manis."

"Pastikan juga tahap ketelusan cahaya sekurang-kurangnya melebihi 60 peratus dan paling terbaik 100 peratus memasuki ruang tanaman," jelasnya.

Selain itu, aspek saliran juga perlu diberi perhatian memandangkan tanaman nanas tidak menggunakan

Tips penanaman nanas

- » Pemilihan benih atau sulur yang berkualiti dan bebas daripada tanda-tanda penyakit
- » Tanam di kawasan tanah yang sesuai dan subur.
- » Sistem saliran yang baik.
- » Kaedah pembajaan yang betul (jenis, kaedah dan masa aplikasi)
- » Hormon atau aruhan bagi mendapatkan pengeluaran buah yang seragam (jenis, cara, kaedah dan masa aplikasi)

kadar air yang tinggi.

"Oleh itu, elakkan menanam di kawasan yang sering bertakung air kerana nanas akan mudah diserang penyakit reput pangkal jika terdedah pada kawasan ini."

"Jika menanam dalam polibeg, siraman hanya cukup dibuat satu hari sekali seawal pagi pada peringkat awal penanaman," terangnya.

NILAI PASARAN TINGGI

Mengulas permintaan Nanas MD2 di negara ini, kata Imran, ia mendapat sambutan yang menggalakkan.

Katanya, pasaran nanas jenis ini di Malaysia mendapat sambutan yang tinggi selepas sawit dan durian kerana penggunaan buah nanas yang pelbagai.

Bukan sekadar dimakan secara segar, namun mendapat permintaan dalam penghasilan jus, sambal nanas, jem, kuih, salad buahan, sabun dan banyak lagi.

Tambahan pula, MD2 merupakan buah premium kerana isinya yang sedap akan memberikan rasa ketagihan selain kulitya yang nipis dan boleh memecah sehingga empat kilogram (kg) sebi.

Selain menjadi antara sumber kekayaan baharu negara dalam sektor pertanian, tanaman nanas ini juga mudah dijaga pengusahanya kerana ia tidak memerlukan siraman air yang banyak.

Hanya perlu memastikan sistem perparitan yang baik bagi mengelakkan takungan air.

Uniknya, tumbuhan ini akan menghasilkan tiga jenis sulur iaitu sulur angin, sulur tanah dan sulur tangkai yang boleh dijadikan benih tanaman selepas penghasilan buah nanas.